

## KEDUDUKAN TAKSONOMI BLOOM MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

<sup>1</sup>Noorhayati Hashim, <sup>2</sup>Nursyahirah Wahidah Masrom,

<sup>2</sup>Mahyuddin Hashim, Fariza Puteh Behak<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Bahasa Utama

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran & Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

drnoorhayati@usim.edu.my

### ABSTRAK

*Taksonomi Bloom merupakan objektif pendidikan yang digunakan oleh pendidik untuk mengukur dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam pembelajaran. Terdapat tiga domain utama yang perlu dicapai iaitu kognitif (kemahiran intelektual), afektif (kemahiran generik) dan psikomotor (kemahiran praktikal teknikal). Kemahiran kognitif merupakan domain taksonomi yang digunakan untuk mengukur kemahiran intelektual. Malahan, domain ini diklasifikasikan mengikut enam aras berbentuk piramid yang disusun dari aras rendah hingga ke aras tinggi. Ia merangkumi aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Sejak ia diperkenalkan oleh Benjamin Bloom pada tahun 1956, terdapat pelbagai kajian Barat yang membincangkan tentang kekuatan dan kelemahan Taksonomi Bloom. Namun, bagaimana pula kedudukan Taksonomi Bloom menurut perspektif Islam? Oleh itu, artikel ini membincangkan kritikan Barat dan pandangan Islam terhadap taksonomi Bloom. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana data akan dianalisis melalui kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati terdapat kritikan dan penambahbaikan dari kajian lepas yang menfokuskan taksonomi Bloom kepada empat tema: (1) susunan hierarki, (2) pengelasan struktur, (3) kegunaan dan (4) keperluan kepada taksonomi yang baru sesuai dengan arus pembelajaran abad ke 21. Kajian ini juga dilihat sebagai pemangkin awal bagi meluaskan bidang pengukuran Islam dalam sistem pendidikan di Malaysia.*

**Field of Research:** *Taksonomi Bloom, Kemahiran Berfikir, al-Quran, Islam.*

---

### 1. Pendahuluan

Perkembangan teknologi pada hari ini memberi kesan kepada perkembangan teknologi dalam pengajaran (López Martínez, Candel Torres, & Zodieru, 2015; Michael, 1984). Kesannya, berlaku peningkatan terhadap penyampaian dan reka bentuk pengajaran yang lebih mencabar minda pelajar (Amirault, 2015) terutama dalam bidang metodologi, teori dan reka bentuk pengajaran, iaitu model kemahiran pendidikan abad ke 21.

Bagi memastikan seantero dunia menerima pendidikan selaras dengan perkembangan era baru, sistem penilaian dan pengukuran pelajar perlu berada di tahap global. Sebagai contoh, pelajar di sekolah menengah perlu mengambil peperiksaan yang setaraf dunia iaitu IGCSE, PISA dan TEEMS. Purata laporan tahunan mendapati Malaysia berada di bawah tempat ke lima di kalangan 65 negara yang mengambil peperiksaan ini. Malah, Malaysia masih berada di kedudukan yang rendah berbanding negara Singapura dan Thailand (Kang, 2013).

Justeru, peperiksaan ini dilihat masih memerlukan penambahbaikan kerana penilaian diasas berdasarkan Taksonomi Bloom sejak tahun 1956 (Andrei, 2016). Walaupun Taksonomi Bloom telah melalui fasa semakan semula, ia masih kekal bermasalah (Gueguen, 2016; Hess, 2009; Marzano & Kendall, 2007; Pandora, 2014). Persoalannya, adakah penggunaan Taksonomi Bloom masih relevan bagi sistem peperiksaan pada hari ini?

Taksonomi Bloom diasaskan pada tahun 1956 di mana ketika itu pendidikan memerlukan sistem pengelasan. Ia bagi membantu pendidik membincangkan masalah-masalah kurikulum dan penilaian dengan lebih tepat. Namun, jarak masa yang terlalu jauh menuntut perubahan kepada penstrukturan semula pedagogi sesuai dengan gaya pembelajaran pada abad ke 21 (Amer, 2006; Beetham & Sharpe, 2013). Hasil penelitian mendapati dalam tempoh tersebut Taksonomi Bloom menerima banyak kritikan dari pelbagai pihak (Paul & Elder, 2006).

Tidak dapat dinafikan banyak sumbangan Taksonomi Bloom dalam meletakkan asas pembelajaran pelajar (Meidasari, Suseno, & Kosasih, 2014). Antaranya Taksonomi Bloom membantu pelajar memperolehi perspektif mengenai penekanan yang diberikan kepada tingkah laku tertentu melalui satu set rancangan pendidikan. Contohnya, guru dapat mengelaskan kompenan sesuatu unit pengajaran ke dalam kategori taksonomi sama ada mengingat atau pengetahuan (Waterman, 2015).

Selain itu, ia membantu penggubal kurikulum menentukan objektif-objektif supaya lebih mudah merancang pembelajaran dan penilaian (Mike, 2013). Malahan sesetengah penyelidik mendapati kebanyakan kategori taksonomi berguna sebagai satu rangka kerja untuk meneliti proses-proses pendidikan dan menganalisis peranannya. Namun, kredibiliti Taksonomi Bloom sebagai objektif pendidikan seringkali dipersoalkan sejak awal penubuhannya. Hal ini disedari apabila Benjamin S. Bloom mula mempersoalkan masalah-masalah yang timbul dalam mengelaskan kategori dalam bukunya bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals*.

Perbincangan lanjut mengenai kritikan yang diterima oleh Taksonomi Bloom akan dinyatakan dalam dapatan kajian dan perbincangan.

## 2. Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Metodologi yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu membaca dan mengkaji objektif pendidikan Taksonomi Bloom sebagai data primer. Manakala, kajian mengenai penulisan berkaitan kritikan Taksonomi Bloom merupakan data sekunder.

Selain itu, data dianalisis menggunakan pendekatan kaedah deskriptif. Setelah mengumpulkan data berkaitan Taksonomi Bloom, data diklasifikasikan dan disusun secara sistematik sama ada mengenai kritikan atau penerimaan terhadap Taksonomi Bloom. Selepas itu, data dianalisis untuk mengetahui konstruk pendidikan Taksonomi Bloom dan kaitannya dalam Islam.

### 3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

#### 3.1 Kritikan Taksonomi Bloom

Kritikan dibahagikan kepada empat tema daripada 30 pandangan kebanyakan ahli akademik terhadap Taksonomi Bloom iaitu, (1) susunan hierarki, (2) pengelasan struktur, (3) kegunaan dan (4) keperluan kepada taksonomi yang baru. Dapatan kajian dibincangkan seperti di bawah:



Rajah 1: Kritikan Terhadap Taksonomi Bloom

##### 3.1.1 Susunan Hierarki

(Munzenmaier & Rubin, 2013) dalam kajian yang bertajuk *Perspectives Bloom's Taxonomy: What's Old Is New Again* menyatakan, antara kritikan yang sering dibincangkan oleh ahli akademik adalah Taksonomi Bloom tidak mempunyai pengelasan hierarki yang konsisten menyebabkan berlakunya pertindihan kategori dan struktur hierarki yang tidak harmoni (Benjamin S. Bloom, Krathwohl, & Masia, 1956). Malahan Taksonomi yang disemak semula juga tidak mempunyai keseragaman hierarki (Gueguen, 2016).

Kelemahan yang paling ketara apabila proses kognitif dalam Bloom disusun mengikut kategori di mana pelajar perlu menguasai aras bermula dari bawah sebagai syarat untuk melepasi kategori selepasnya (Krathwohl, 2002; AE Kreitzer & GF Madaus, 1994).

Pendidik juga mempunyai kefahaman yang berbeza pada setiap aras. Ini menyebabkan penilaian yang berasaskan aras kognitif taksonomi Bloom tidak dapat dibuktikan secara tepat.

Tambahan pula, Taksonomi Bloom dilihat sebagai rangka kerja yang terlalu ringkas dan mempunyai jurang yang besar di antara aras kognitif (Dixon et al., 2015; Fielding & Pearson, 1994). Seharusnya taksonomi ini dibina secara logik dan bersifat kosnsisten supaya setiap pembahagian boleh didefinisikan secara jelas.

### 3.1.2 Pengelasan Struktur

Taksonomi Bloom mempunyai struktur hanya satu dimensi iaitu satu set pengelasan, manakala versi yang disemak semula terdiri daripada dua dimensi iaitu Dimensi Pengetahuan dan Dimensi Proses Kognitif (Anderson et al., 2000). Perubahan ini menampakkan ia sebagai satu pengelasan struktur yang tidak sempurna dan pembinaan struktur yang tidak rasional dan tidak sistematik (Richard W. Morshead, 1964). Pengelasan aras berfikir yang terlalu rendah pada taksonomi tidak memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir secara kritikal tentang apa yang mereka pelajari (B. S. Bloom & Abdullah Junus., 1989). Hal ini menyebabkan daya kreativiti dan pemikiran pelajar menjadi terhad.

Sebagai contoh, apabila taksonomi memfokuskan aras mengingat semula dengan kefahaman, pelajar boleh memahami apa yang dipelajari tetapi gagal untuk mempraktikkan pengetahuan mereka. Hal ini kerana aras berfikir mereka telah disekat mengikut kelas tertentu. Maka, jelas menunjukkan Taksonomi Bloom merendahkan gaya pemikiran pelajar dalam pembelajaran (Furst, 1981) dan tidak menjamin pencapaian pelajar dalam prestasi (Mike, 2013).

Oleh kerana ia dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi sebagai tahap yang rendah. Manakala aras analisis, sintesis dan penilaian sebagai tahap kognitif yang tinggi. Maka, ia satu kekurangan yang penting kerana bergerak dari peringkat yang paling mudah ke tahap yang paling sukar (Amer, 2006). Ini menunjukkan berlaku pertindihan di antara kategori dalam taksonomi dan sesetengah kemahiran contohnya aras kefahaman boleh diguna pakai di semua aras.

### 3.1.3 Kegunaan Taksonomi

Terdapat beberapa kelemahan dan limitasi penggunaan yang dapat dikesan dalam Taksonomi Bloom (Amer, 2006). Brenda Sugrue dalam kajiannya bertajuk *Problems with Bloom's Taxonomy* mengkritik penggunaan Taksonomi Bloom yang tidak sesuai dengan sistem pendidikan terkini. Hal ini kerana penilaian aras adalah berubah-ubah dan tidak bersifat praktikal dalam mengenal pasti serta menangani masalah-masalah pembelajaran (Brenda Sugrue, 2002; Furst, 1981). Brenda berpendapat, tiada perbezaan yang praktikal dalam mengukur dan menilai jurang di antara pembelajaran dan pencapaian pelajar ketika menggunakan taksonomi. Tambahan pula, pelajar menghadapi kesukaran untuk membezakan soalan-soalan yang ditanya pada aras yang tinggi dan aras yang lebih rendah (Seddon, 1978).

Kritikan ini disokong oleh (Ari, 2011) yang mengatakan Taksonomi Bloom tidak sesuai di gunakan di sesetengah tempat dan paling kurang penggunaannya di negara Afrika. Tambahan pula, Taksonomi Bloom tidak sesuai bagi sesetengah bidang pembelajaran termasuklah psikologi, teknikal, vokasional dan kejuruteraan (Bekdemir & Selim, 2008; Long, Idris, & Malim, 2015).

Sebagai alternatif, Taksonomi tidak lagi digunakan di negara tertentu kerana mereka lebih terkehadapan menggunakan taksonomi terkini seperti SOLO, Detmer dan lain-lain.

### 3.1.4 Keperluan Taksonomi Baru

Marzano dan Kendall di dalam kajian bertajuk *The New Taxonomy of Educational Objectives* menyatakan penekanan dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi mendorong Taksonomi Bloom untuk disemak semula mengikut arus pembelajaran semasa (Pashapour, 2016). Ia turut disokong oleh Brenda (Brenda Sugrue, 2002) yang mengkritik Taksonomi Bloom tidak relevan kerana

ditubuhkan lebih dari 50 tahun sejak 1956 di mana ketika itu dunia belum mengetahui penglibatan kognitif dalam pembelajaran dan pencapaian pelajar (Benjamin S. Bloom et al., 1956). Berbeza dengan keadaan pendidikan pada hari ini yang berasaskan behavior dan tidak melihat kepada kognitif semata-mata. Disebabkan itu, arus pendidikan hari ini memerlukan taksonomi yang baru kerana pendidikan abad 21 menggunakan pendekatan di mana pembelajaran berpusat pada pelajar (Amer, 2006; Ari, 2011; Jerald, 2009; Marzano & Kendall, 2007).

Sememangnya Taksonomi Bloom telah menerima banyak kritikan daripada pelbagai pihak termasuklah kritikan daripada kumpulan penulis mereka (Anderson & Krathwohl, 2001). Sejak diperkenalkan pada tahun 1956, Taksonomi Bloom sentiasa diubahsuai mengikut kesesuaian semasa dan keperluan pendidikan (Amer, 2006; Ari, 2011) bagi membuktikan bahawa taksonomi Bloom masih relevan pada masa kini. Malangnya, perubahan ketara yang terdapat dalam taksonomi versi semakan semula adalah untuk mengaburi kelemahan yang sedia ada dalam struktur taksonomi yang asal (Munzenmaier & Rubin, 2013).

Kesimpulannya, Taksonomi Bloom didapati tidak begitu kukuh dan mantap. Tambahan pula, aras yang terdapat dalam Taksonomi tidak disokong oleh mana-mana penyelidikan atau teori dalam bidang pendidikan (Brenda Sugrue, 2002; Munzenmaier & Rubin, 2013). Walaupun pelbagai usaha penambahbaikan dilakukan bertujuan untuk menampung semua kelemahan dan kekurangan Taksonomi Bloom, namun ianya masih diragui kerana Taksonomi Bloom itu sendiri tidak mempunyai kredibiliti. Oleh itu, kajian secara meluas dan teliti perlu dilaksanakan bagi menerokai peluang untuk membina sistem pembinaan objektif pembelajaran dan penilaian yang baru.

### 3.2 Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam

Kehebatan para sarjana Islam dalam meneroka ilmu sains baru dalam pelbagai bidang dari al-Quran dan Sunnah tidak dapat dinafikan lagi. Seharusnya, para ilmuan kini perlu membuat transformasi dan penyelidikan yang mendalam terutama dalam bidang penilaian dan pengukuran. Maka, sudah tentu perlunya kembali kepada sumber umat Islam yang asal iaitu Mukjizat al-Quran al-Karim.

#### 3.2.1 Sumber al-Quran



Rajah 2: Konstruk Kemahiran Berfikir

Al-Quran merupakan rujukan utama dan pegangan asas umat Islam untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat (Danial Zainal Abidin, 2005). Maka, ia pasti mengandungi panduan pendidikan yang lengkap dan mantap. Oleh itu, bidang pengukuran dan penilaian juga antara elemen pendidikan yang terkandung dalam al-Quran. Ini terbukti dalam al-Quran yang mengandungi ayat-ayat tentang galakan menggunakan akal untuk berfikir (Ziyad K. M. Daghamin, 2005).

Firman Allah SWT,

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا  
وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّى مِنْ قَبْلٍ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّى وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

(Al-Quran, Surah Ghafir 40:67)

*(Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).*

Ayat ini menggalakkan kemahiran berfikir melalui proses kejadian manusia menurut al-Quran. Ianya bermula dengan (*Nutfah*) percampuran air mani, (*Alaqah*) segumpal darah, (*Mudghah*) seketul daging dan (*Izam walahm*) pembentukan tulang dan embrio sehingga (*Nafkhar ruh*) peringkat peniupan ruh. Maka, *تَعْقِلُونَ* bermaksud orang-orang yang berakal supaya mengagumi kebesaran Allah mencipta kejadian manusia yang sangat unik (Zamakhsyari, 2010).

Ayat berkaitan proses kejadian manusia dalam al-Quran bertujuan untuk merangsang minda dan memberi tumpuan terhadap apa yang dibincangkan. Selain itu, ia membantu mengasah akal sehingga meningkatkan kemahiran berfikir dan keupayaan yang tinggi kepada manusia (Fatimah Ismail, 1993). Secara tepatnya, al-Quran mempunyai teorinya yang tersendiri untuk melahirkan individu yang berkemahiran tinggi sehingga mampu menggabungkan ilmu Naqli dan Aqli.

Dalam ayat lain juga al-Quran menekankan kemahiran berfikir:

﴿وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الشَّجَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ يُغِشِّي اللَّيْلَ النَّهَارَ  
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

(Al-Quran, Surah ar-Ra'd 13:3)

*(Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir).*

فَكَّرَ dalam ayat ini menuntut kepada pemikiran yang mendalam tentang bagaimana manusia mampu berfikir sehingga mencetuskan idea dan penemuan baru. Berfikir dalam ayat ini menuntut kepada teori sains di sebalik kejadian alam semesta. Maka, ia memerlukan proses berfikir dengan kemahiran analisis. Maksud berfikir yang Allah nyatakan di sini adalah melakukan kajian dan penyelidikan sehingga terhasilnya teori ilmu yang baru. Justeru, untuk mengkaji alam semesta seperti bumi, gunung-ganang, sungai, serta kejadian siang dan malam ianya memerlukan teknologi geologi (Labib Baidun, 2014).

### 3.2.2 Aras Taksonomi menurut al-Quran

Jika dilihat dalam taksonomi Bloom versi semakan semula, mengingat atau menghafal merupakan aras yang paling bawah. Tetapi di dalam Islam, menghafal al-Quran bukanlah perkara yang mudah sehingga dianggap sebagai aras pemikiran yang rendah. Malahan, terdapat banyak sekolah dan madrasah di Malaysia yang mengamalkan sistem *Tahfiz* iaitu menghafal 30 juzu' al-Quran sekaligus mengingat, menjaga hafalan dan mempelajari al-Quran al-Karim (Hashim, Tamuri, & Jemali, 2013).



**Rajah 3: Tahap Kemahiran Menghafal al-Quran**

Di samping itu, kefahaman merupakan aras yang paling penting bagi individu yang menghafal al-Quran. Hafalan semata-mata tidak dianggap praktikal dalam Islam akan tetapi mesti dimulakan dengan kefahaman kemudian barulah diamalkan dalam kehidupan.

Tambahan pula, hafalan yang baik adalah dalam tempoh yang panjang dan kekal dalam ingatan. Tidak dapat dinafikan, hafalan yang tidak dimulakan dengan kefahaman akan menjadikan hafalan memori jangka pendek dan tidak dapat diaplikasikan dalam kehidupan. Justeru, kedudukan aras mengingat yang diletakkan oleh Bloom adalah tidak tepat. Islam mengambil langkah usaha untuk memperbaiki struktur taksonomi ini dengan berpandukan tahap kemahiran menghafal al-Quran.

Selain itu, Imam al-Ghazali (1986) membahagikan akal kepada dua iaitu ilmu *al'amilat* (praktikal) dan ilmu *al'alimat* (teori). Ilmu praktikal digunakan untuk meningkatkan kreativiti dan akhlak manusia iaitu tingkah laku yang baik bergantung sejauh kekuatan akal dalam menjiwai ilmu tersebut. Manakala, ilmu teori berperanan menjelaskan bagaimana akal memproses pemikiran. Ilmu teori membantu manusia menambah pengetahuan dalam diri untuk menyempurnakan sifat akal yang kompleks dan abstrak. Selain itu, dalam lhya' Ulum Aldin juga Imam al-Ghazali mengkategorikan kemahiran berfikir kepada empat aras iaitu *Ulum Nazoriyyah*, *Ulum Dhururiyyah*, *Ulum Tajribiyyah* dan *Ulum A'waqibih*. Maka, tahap yang paling tinggi adalah merasa takut (*Khauf*).

Di samping itu, Abdullah (1995) dalam kajiannya mendapati al-Quran mempunyai lapan peringkat proses berfikir daripada yang rendah kepada tahap yang tinggi iaitu deria (*Idrak hissi*), akal (*Idrak ma'nawi*), mengingat (*tazakkur*), perumpamaan (*qias*), pengurangan (*istiqra'*), induksi (*istinbat*), penilaian (*taqwim*) dan muhasabah (*tafakkur*) paling teratas.

Terdapat pelbagai kajian yang menfokuskan aras kemahiran berfikir dalam Islam. Ini jelas menunjukkan dunia Islam tidak asing lagi mengenai kajian penilaian melalui kemahiran berfikir. Maka jelas menunjukkan, Islam menggalakkan kemahiran berfikir melalui ayat-ayat al-Quran sehingga mencapai tahap menambahkan keimanan kepada Allah SWT.

#### 4. Penutup

Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat tema kritikan dan pandangan dari ahli akademik Barat terhadap taksonomi Bloom. Mereka memfokuskan kritikan bermula susunan hierarki, pengelasan struktur, kegunaan dan keperluan kepada taksonomi yang baru sesuai dengan arus pembelajaran abad ke 21. Selain itu, dapatan kajian mendapati bidang penilaian dalam Islam dibuktikan melalui ayat-ayat yang menggalakkan proses kemahiran berfikir serta dikukuhkan dengan kajian semasa para Ilmuan Islam. Maka, keterbukaan terhadap pelbagai sistem taksonomi membuka ruang berfikir yang luas dan praktikal. Justeru, artikel ini membuka ruang untuk kajian lanjut bagi membangunkan taksonomi baru yang berasaskan Islam dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah.

#### 5. Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung. Penyelidikan ini menggunakan geran yang bertajuk: *A New Model for Knowledge Taxonomy based on Interrogatives (Uslub Istifham) in al-Quran*. (USIM/FRGS/FPBU/32/51416)

#### Rujukan

Abd al-Qasim Mahmud ibn Muhammad ibn 'Umar al-Zamakhsyari. (2010). *Al-Kasyaf 'an Haqiq At-Tanzil wa uyun al-Aqawil fi wujuh at-Ta'wil*. Darul Kitab al-Arabi Beirut.

Abdullah, Abdul Rahman. 1995. *Al-Alamiyyat al-'Aqliyyah fi al-Quran al-Karim wa Dalalatuha al-Tarbawiyah*. *Majallah Jamiat al-Malik Sa'ud li al-Ulum al-Tarbawiyah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. (7)1. 105129.

Al-Ghazali, 1986. *Ihya' al-Ulum al-Din*, Lubnan: *Dar al-Kutub al-Ilmiyyah*.

Amer, A. (2006). *Reflections on Blooms Revised Taxonomy*. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 4, 213–230.

Amirault, R. J. (2015). *Technology Transiense And The Challenges It Poses To Higher Education*. *The Quarterly Review of Distance Education*, 16(1), 11–24.

Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing : A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. Longman.

Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P. W., Cruikshank, K. A., Mayer, R. E., Pintrich, P. R., ... Wittrock, M. C. (2000). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. New York Longman, Complete E(4), 302.



- Andrei, G. (2016). *Ontology And Taxonomies For Elearning*, VII(5), 62–75.
- Ari, A. (2011). *Finding Acceptance of Bloom's Revised Cognitive Taxonomy on the International Stage and in Turkey*. *Educational Sciences: Theory and Practice*.
- Beetham, H., & Sharpe, R. (2013). *Rethinking Pedagogy for a Digital Age : Designing for 21st Century Learning*. Taylor and Francis.
- Bekdemir, M., & Selim, Y. (2008). *Revised Bloom Taxonomy And Its Application In Algebra Area*. *Journal of Education Faculty*, 10(2), 185–196.
- Bloom, B. S. (Benjamin S., Krathwohl, D. R., & Masia, B. B. (1956). *Taxonomy Of Educational Objectives : The Classification Of Educational Goals*. D. McKay.
- Bloom, B. S., & Abdullah Junus. (1989). *Taksonomi Objektif Pendidikan : Buku Pedoman 1: Domain Kognitif*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Brenda Sugrue, C. (2002). *Problems With Bloom's Taxonomy*. Performance Express, 3.
- Danial Zainal Abidin, 1955-. (2005). *Tip-tip Cemerlang Daripada Quran*. al-Haq.
- Dixon, C. S., Wright, V. H., Co-chair, C., Wilson, E. K., Co-chair, C., Rice, M., Matherson, L. (2015). *A Case Study Of One Middle School Labeled Failing : Perceptions Of The Impact Of Strategic*
- Furst, E. J. (1981). *Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain: Philosophical and Educational Issues*. *Review of Educational Research Winter*, 51(4), 441–453.
- Gueguen, M. (2016). *Loyola University Chicago A Measure Of Middle School Students' Ability To Think Critically When Exposed To Historical Thinking Pedagogy*.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., & Jemali, M. (2013). *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*.
- Hess, K. K. | Jones, B. S. | Carlock, D. J. R. (2009). *Cognitive Rigor: Blending the Strengths of Bloom's Taxonomy and Webb's Depth of Knowledge to Enhance Classroom-Level Processes*.
- Jerald, C. (2009). *Defining A 21st Century Education*. *Center for Public Education*, (July), 82.
- Kang, S. C. (2013). *Malaysia Ranks 52 Out Of 65 Countries In International Assessment Programme-Nation* | The Star Online.
- Krathwohl, D. R. (2002). *A Revision of Blooms Taxonomy : An Overview*. *Theory Into Practice*, 41(4), 212–218.
- Labib Baidun. (2014). *Al-I'jazul Ilmi fil Quran. Muassasat al-Ilmi lilMatbu'at Beirut Lubnan*.
- Long, N., Idris, R., & Malim, T. (2015). *Analisis Taksonomi Bloom Dalam Penilaian Vokasional: Cadangan Satu Taksonomi Baru*.
- López Martínez, A., Candel Torres, I., & Zodieru, A. (2015). *Development Of New Capacities For Research And Teach/Learn Tools In Higher Education, Using The New Financing Funds In Romania*.

*EduLearn15 Proceedings*, 3674–3682.

Marzano, R. J., & Kendall, J. S. (2007). *The New Taxonomy Of Educational Objectives*. Corwin Press.

Meidasari, V. E., Suseno, I., & Kosasih, A. (2014). Kualitas Kognitif Dalam Integrasi Taksonomi Bloom dan Taksonomi Solo. *Prosiding SNaPP: Sosial, Ekonomi, Dan Humaniora*, 4(1), 351–358.

Michael, H. J. (1984). *The Relationship Between Bloom's Taxonomy and Critical Thinking Skills*. University Microfilms International.

Mike, G. &. (2013). *Classroom Practice - Still Blooming After Almost 60 Years : News*.

Munzenmaier, C., & Rubin, N. (2013). *Bloom's Taxonomy: What's Old Is New Again. Perspectives*, 1-47.

Pandora, D. B. (2014). *Teachers' Beliefs and Practices Regarding Homework: An Examination of the Cognitive Domain Embedded in Third Grade Mathematics Homework*. The University of Wisconsin-Milwaukee.

Pashapour, A. (2016). *Research Papers Critical Pedagogy, Rituals Of Distinction, And True*.

Paul, B. R., & Elder, L. (2006). *The Miniature Guide to Critical Thinking: Concepts & Tools*.

Richard W. Morshead. (1964). *Taxonomy of educational objectives: Handbook II: Affective domain*.

Seddon, G. M. (1978). *The Properties of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain. Review of Educational Research*, 48(2), 303–323.

Waterman, S. (2015). *Engaging At-Risk Youth Through Bloom's Taxonomy, Socratic Seminars, and Culturally Responsive Pedagogy*. Empire State College State University of New York.

Ziyad Khalil Muhammad Daghamin (2005). *The Method of the Qur'an in Forming the Human Thinking. Faculty of Islamic and Law Studies*, al-Bait University Jordan.